

Kerajaan akan rangka pendekatan baru atasi tenaga kerja di FELDA

UM 10 SEP 1992

Kerajaan akan merangka satu pendekatan baru dalam usaha mengatasi masalah tenaga kerja yang semakin berkurangan di tanah rancangan FELDA sekarang.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun menjelaskan jenis pendekatan baru itu masih belum ditentukan lagi.

Berucap di majlis 'Sehari Bersama Rakyat' di FELDA Guar Napai, di sini hari ini beliau berkata, tenaga kerja di tanah rancangan FELDA sekarang kian lama kian berkurangan.

Menurutnya, ini berlaku kerana generasi kedua di rancangan tersebut tidak berminat lagi untuk bekerja di tanah rancangan, sebaliknya mencari pekerjaan lain di bandar-bandar atau tempat-tempat lain.

Perdana Menteri berkata, di peringkat awal kemerdekaan dahulu, pembukaan tanah rancangan FELDA dibuat untuk memberi peluang kepada rak-

yat menjadi peneroka memandangkan peluang pekerjaan pada masa itu terlalu sedikit dan hanya tertumpu di sektor awam sahaja.

Beliau berkata, tanah FELDA yang dilengkapi dengan segala kemudahan, termasuk sekolah, kemudian berjaya membentuk anak-anak peneroka menjadi orang yang berjaya dalam pelajaran dan menjawat jawatan tinggi di sektor awam atau swasta.

"Mereka yang telah berjaya ini tidak akan kembali semula ke FELDA untuk meneruskan tugas yang pernah dijalankan oleh orang tua mereka dahulu.

"Akibatnya lama kelamaan FELDA tidak ada orang dan masalah ini akan berterusan," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan nyatalah konsep FELDA di awal kemerdekaan dahulu sudah tidak bersesuaian dengan masa kini kerana kini terlalu banyak kerja boleh dibuat selain dari menjadi peneroka.

Justeru itulah, katanya, ke-

rajaan akan memikirkan satu pendekatan lain dalam mengatasi masalah di FELDA ini dan bentuk pendekatan itu masih belum ditentukan.

Perdana Menteri juga mengingatkan peneroka, langkah kerajaan memperkenalkan sistem saham di rancangan FELDA bukanlah bertujuan untuk mengambil harta rakyat.

Menurutnya, sistem ini lebih bermanfaat kepada ahli keluarga peneroka dan lebih mudah dijalankan dari sistem pemberian dan pembahagian tanah.

Perdana Menteri seterusnya menyeru rakyat mengamalkan sikap rajin bekerja dan berdisiplin, khususnya dalam suasana negara yang sedang menuju era perindustrian.

Beliau berkata, era perindustrian kini memerlukan ramai tenaga kerja dan rakyat mestilah sedia memenuhi keperluan tersebut demi masa depan mereka sendiri dan negara.